

SEMANGAT JUANG
TINGGI MUHAMMAD
HAKIMI »34

Sukan Komanwel XXI

Gold Coast 2018

4 - 15 APRIL



Gold Coast
2018
XXI Commonwealth Games

LAPORAN DARI
GOLD COAST
AUSTRALIA

PEMBERITA



JAILANI
ABDULLAH TAUFEK
RAZAK

JURUGAMBAR



ABDUL
RAZAK LATIF

KEDUDUKAN PINGAT

AUSTRALIA	63	46	47	156
ENGLAND	28	32	27	87
INDIA	14	7	10	31
KANADA	12	29	19	60
AFRIKA SELATAN	11	9	12	32
NEW ZEALAND	10	12	9	31
SCOTLAND	7	13	15	35
WALES	7	8	10	25
CYPRUS	6	0	2	8
JAMAICA	4	6	5	15
NIGERIA	4	5	2	11
MALAYSIA	3	3	7	13
SAMOA	2	2	0	4
SINGAPORE	2	1	1	4
BOTSWANA	2	1	0	3
TRINIDAD & TOBAGO	2	1	0	3
UGANDA	2	0	1	3
KENYA	1	3	3	7
BAHAMAS	1	2	0	3
PAPUA NEW GUINEA	1	2	0	3
NORTHERN IRELAND	1	0	2	3
FIJI	1	0	1	2
BERMUDA	1	0	0	1
GRENADA	1	0	0	1
BRITISH VIRGIN IS.	1	0	0	1
BANGLADESH	0	2	0	2
SRI LANKA	0	1	3	4
ISLE OF MAN	0	1	0	1
MAURITIUS	0	1	0	1
NAURU	0	1	0	1
PAKISTAN	0	0	3	3
VANUATU	0	0	2	2
CAMEROON	0	0	1	1
COOK ISLANDS	0	0	1	1
DOMINICA	0	0	1	1
MALTA	0	0	1	1
NORFOLK ISLAND	0	0	1	1
SOLOMON ISLANDS	0	0	1	1

*Setakat 11 malam

MENARIK DI DALAM



KL TUAN RUMAH
TEMASYA 2026?
»35



YEE KIE INTAI
EMAS PARA ASIA
»35



PANDELELA RINONG dalam satu aksi 10 meter platform wanita akhir Sukan Komanwel 2018 di Pusat Akuatik Gold Coast, semalam.



TERJUN GAGAL TAMBAH EMAS

■ GOLD COAST 12 APRIL

PANDELELA RINONG dan Cheong Jun Hoong gagal membantu kontinjen negara menambah pungutan pingat emas hari ini apabila sekadar menamatkan saingan acara 10 meter platform wanita Sukan Komanwel di sini di tempat keempat dan kelima sahaja.



Paling kecewa sudah tentu Jun Hoong yang memanggul status sebagai juara dunia acara ini apabila hanya mengumpul 332.85 mata berbanding Pandelela yang lebih baik sedikit sahaja iaitu 340.20 mata.

Emas acara ini dimenangi penerjun Australia, Melissa Wu yang mengumpul 360.40 mata daripada lima terjunan yang dilakukan pada aksi final itu manakala perak menjadi milik juru bertahan dari Kanada, Meaghan Benfeito (359.75 mata) dan gangsa dimenangi penerjun England, Lois Toulson (344.20 mata).

"Selepas ini saya perlu lakukan lebih baik bagi terjunan pertama dan terakhir yang menjadi punca kekalahan hari ini. Tetapi inilah

sukan, ada menang dan kalah. "Yang penting saya perlu perbaiki mental dan fizikal saya," katanya yang tidak akan menyertai apa-apa lagi acara di sini selepas ini kecuali menunggu upacara penutup temasya sahaja.

Sementara itu, Ooi Tze Liang gagal mempertahankan pingat emas acara 3 meter papan anjal lelaki yang dimenanginya empat tahun lalu di Glasgow, Scotland. Pada aksi final hari ini, penerjun kelahiran Pulau Pinang itu hanya mampu menduduki tempat ke-10 daripada 12 peserta yang mengambil bahagian.

Tze Liang, 24, mengumpul 373.75 mata daripada enam terjunan yang dilakukan. Emas acara ini dimenangi penerjun England, Jack Laugher yang

mengutip 519.40 mata.

Pingat perak pula dimenangi penerjun Kanada, Philippe Gagne (452.70 mata) manakala gangsa menjadi milik penerjun Australia, James Connor (438.50 mata).

Seorang lagi penerjun negara yang layak ke final, Chew Yiwei menduduki tempat ke-11 dengan memungut 347.20 mata.

Elok, tiga lagi pingat emas ditawarkan dalam sukan terjun iaitu menerusi 1 meter papan anjal wanita (Jasmine Lai, Kimberly Bong, Nur Dhabitah Sabri), 10 meter platform seirama lelaki (Jelison Jablin, Ooi Tze Liang, Hanis Nazirul Jaya Surya, Chew Yiwei) dan 3 meter papan anjal seirama lelaki (Gabriel Gilbert Daim, Muhammad Syafiq Puteh, Tze Liang, Yiwei).

Misi masih boleh dicapai

GOLD COAST 12 April - Malaysia masih berada di landasan untuk mencapai misi yang ditetapkan, kata Ketua Kontinjen Huang Ying How.



HUANG YING HOW

Bercakap kepada wartawan Malaysia di Pusat Media Utama mengenai prestasi kontinjen negara selepas tiba di pertengahan Sukan Komanwel, Ying How melahirkan keyakinan bahawa sasaran meraih sekurang-kurangnya tujuh pingat emas masih dalam jangkauan meskipun terlepas beberapa acara yang disandarkan harapan.

Sehingga pukul 7 petang ini Malaysia mengumpul tiga pingat emas, dua daripadanya diraih menerusi Muhammad Azroy Hazal Wafee Izhar Ahmad dan Muhamad Aznil Bidin di gelanggang angkat berat manakala pingat ketiga diraih semalam menerusi gandingan Pandelela Rinong dan Cheong Jun

Hoong dalam acara terjun. Kontinjen negara turut meraih tiga perak dan enam gangsa untuk menduduki tempat ke-12 daripada keseluruhan 31 negara yang telah mengutip pingat. Sasaran yang ditetapkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin adalah sekurang-kurangnya menamatkan persaingan pada 15 April selain pasukan ke-10 dan membawa pulang setidak-tidaknya tujuh emas.

Malaysia meletakkan harapan untuk meraih emas menerusi badminton berpasukan campuran namun tewas kepada India dalam perlwanan akhir manakala skuasy dan lumba berbasikal trek juga gagal menyaksikan atlet negara memperoleh pingat.

Namun Ying How tidak panik mengenai pencapaian atlet-atlet negara ketika ini dan yakin

beberapa acara terutamanya badminton dan terjun mampu menampung kekurangan pingat yang disasarkan.

"Tiada sesiapa tahu bila pingat lain akan kita menangi. Saya rasa, skuad angkat berat yang diletakkan harapan tinggi telah memenuhi sasaran sementara sukan yang tidak diletakkan sasaran tinggi, dan kami mengharapkan mereka, masih belum menunjukkan keputusan yang dimahukan."

"Skuad terjun sudah memberikan hasil seperti diharapkan, kita tahu mereka mempunyai potensi (untuk menang emas). Untuk gimrama, kami sedar mereka cukup bagus untuk perak, jadi ini untuk menjelaskan bahawa Malaysia berada di landasan yang betul dari segi prestasi individu," kata Ying How.

Malaysia masih berpeluang untuk meraih pingat dalam beberapa hari terakhir dengan skuasy, badminton dan terjun adalah prospek kontinjen negara selain boling padang.

#FAKTA
332.85

MATA
dikumpul Cheong Jun Hoong dalam acara 10m platform wanita Sukan Komanwel 2018

CHEONG JUN HOONG cuba memberikan persembahan terbaik tetapi hanya mampu menduduki tempat kelima, semalam.